



**Manuscript Title:** Dari “Maya” Kepada “Nyata” – Kajian Identiti Nasional Sasterawan Mahua Lu Po-Yeh

**Authors:** Ng Wee Nee & Ho Kee Chye

**Accepted Date:** 27 November 2022

**Please cite this article as:** Ng Wee Nee and Ho Kee Chye. 2023. Dari “maya” kepada “nyata” – Kajian identiti nasional Sasterawan Mahua Lu Po-Yeh. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

*Kajian Malaysia (early view)*

**DARI “MAYA” KEPADA “NYATA” – KAJIAN IDENTITI NASIONAL  
SASTERAWAN MAHUA LU PO-YEH**

***FROM “VIRTUAL” TO “REALITY”- A STUDY ON NATIONAL IDENTITY  
OF MAHUA WRITER LU PO-YEH)***

**Ng Wee Nee\* dan Ho Kee Chye**

Fakulti Sastera dan Sosial Sains, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA

\*Corresponding author: [ngweenee@yahoo.com](mailto:ngweenee@yahoo.com)

**ABSTRACT**

*The Chinese who migrated overseas initially brought with them their original culture and identity. Later generations of these early settlers even though inheriting the original "Chinese" culture and identity but such identity is in fact an “imagined” (virtual) identity. It was because they had settled for a long-time outside Mainland China and had never experienced life there. Political turmoil and the international situation then stimulated virtual identities to transform into identities of the place they were born and live which is more realistic. Lu Po-yeh (1923-1961), a Chinese writer who was born and raised in British Malaya once considered his identity to be “Chinese” but changed to a local Chinese identity by claiming himself to be a citizen of the Federation of Malaya. This article examines Lu Po-yeh’s change in national identity that began with his doubts of his own identity after facing a process of integration, adaptation and change in the course of his search for his own identity. Lu Po-yeh had experienced many changes in his life and lived through several important eras throughout his life namely the era of British colonialism, Japanese Occupation of Malaya and the era of Malaya’s struggle for independence. Such life experiences eventually enabled Lu Po-yeh to come to the realisation that his identity was as a Malayan Chinese. Thus, the writings and activities carried out by Lu Po-yeh were closely related to the atmosphere of development at that time. Through Lu Po-yeh’s literary writings and cultural activities, a change in the stance of national identity by his peers was clearly displayed. Lu Po-yeh’s life experiences through the different eras of Malayan history made an impact on the realisation of his true identity – from a vague and virtual “China” identity to a clearer and more realistic “Malayan” identity. Lu Po-yeh’s process of exploring national identity also illustrates the process of the changing of the stance of Chinese identity in Malaya in the 1950s, where the Chinese wanted to work together to develop a multi-ethnic society in a new and united nation.*

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

**Keywords:** Lu Po-yeh, national identity, Malaya, Mahua

## **ABSTRAK**

*Orang Cina yang berhijrah ke seberang laut pada mulanya membawa bersama budaya dan identiti asal mereka. Setelah mereka menetap lama di luar kawasan Tanah Besar China, generasi kemudian mereka yang tidak pernah mengalami kehidupan di China sungguhpun mewarisi budaya dan identiti "China" asal tetapi identiti sedemikian pada hakikatnya sekadar "identiti bayangan" (maya) sahaja. Pergolakan politik dan situasi antarabangsa kemudian merangsang identiti maya berubah kepada identiti tempat kelahiran dan kehidupan mereka yang lebih realiti dan nyata. Lu Po-yeh (1923-1961), seorang sasterawan Cina yang dilahir dan dibesarkan di Tanah Melayu pernah menganggap identiti beliau sebagai "China" tetapi berubah kepada identiti Cina tempatan dengan menuntut dirinya sebagai rakyat Persekutuan Tanah Melayu. Artikel ini mengkaji perubahan identiti nasional Lu Po-yeh yang bermula dengan keraguannya identiti sendiri setelah menghadapi proses kesepaduan, penyesuaian dan perubahan dalam perjalanan mencari identiti diri sendiri. Lu Po-yeh pernah mengalami banyak perubahan dalam kehidupannya dan melangkah beberapa era yang penting iaitu zaman penjajahan British, pemerintahan Jepun dan era perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu dalam sepanjang hayatnya. Pengalaman kehidupan sedemikian akhirnya berjaya membolehkan Lu Po-yeh mengenalpasti pendirian identitinya. Oleh yang demikian, penulisan dan kegiatan yang dijalankan oleh Lu Po-yeh berkait rapat dengan suasana perkembangan pada zaman itu. Melalui penulisan sastera dan kegiatan budaya Lu Po-yeh, suatu perubahan pendirian identiti nasional oleh generasi sebayanya telah dipaparkan dengan jelas. Perkembangan sejarah dan pengalaman kehidupan Lu Po-yeh menjadikan identiti nasional peringkat awalnya yang "kabur" iaitu identiti "China" (maya) kepada identiti yang "jelas" iaitu identiti "Tanah Melayu" (nyata) pada peringkat kemudian. Proses penerokaan identiti nasional Lu Po-yeh turut menggambarkan proses perubahan pendirian identiti orang Cina di Tanah Melayu pada zaman 1950-an di mana mereka ingin berganding bahu demi membangunkan negara yang baharu serta bersatu-padu dalam masyarakat pelbagai etnik.*

**Kata kunci:** Lu Po-yeh, identiti nasional, Tanah Melayu, Mahua

## **PENGENALAN**

Masyarakat Tanah Melayu<sup>1</sup> terdiri daripada warganegara yang berbilang etnik. Perkembangan masyarakat berbilang etnik yang kian lama ini telah melahirkan hubungan yang rapat dan saling berkaitan antara satu etnik dengan etnik yang lain. Pembentukan dan peningkatan identiti nasional akan membantu mengukuhkan perhubungan antara etnik-etnik dalam masyarakat Tanah Melayu dan pada masa yang sama, ini juga dapat menonjolkan ciri kesatuan dalam masyarakat kepelbagaian. Pembinaan identiti nasional ini amat penting kepada masyarakat Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua terutamanya semasa Tanah Melayu sedang memperjuangkan kemerdekaan negara serta mengambil langkah untuk membina negara baru sekitar tahun 1950-an.

Kebanyakan imigran Cina generasi pertama mempunyai perasaan yang kukuh terhadap negara China. Akan tetapi, generasi kedua orang Cina yang lahir dan hidup di Tanah Melayu mempunyai pengakuan kepada identiti setempat yang kuat. Walaupun pada peringkat awal sebelum kemerdekaan Tanah Melayu, disebabkan oleh faktor-faktor media cetak, pendidikan, buku teks, perasaan sentimen dan pengaruh revolusi di Tanah Besar China telah membawa pengaruh kepada orang Cina yang menggalakkan kecenderungan negara China dalam isu identiti nasional. Namun begitu, ini merupakan sejenis identiti dalam imaginasi dan merupakan sejenis identiti “maya”. Malahan, orang Cina generasi kedua yang lahir dan bermastautin di Tanah Melayu mempunyai pengakuan tempatan yang mendalam. Selain itu, mereka juga telah mengalami era politik yang berbeza dan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu bersama etnik Melayu, India dan sebagainya di Tanah Melayu. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, orang Cina telah memasuki warganegara dan menjadi warganegara yang sah. Pada peringkat ini, etnik Cina telah memberi kesetiaan dan ketaatan sepenuhnya kepada Tanah Melayu. Ini merupakan satu identiti nasional yang “nyata”.

Dalam keadaan masyarakat ini, pendirian identiti nasional Lu Po-yeh turut dipengaruhi oleh persekitaran dan situasi masyarakat pada masa itu. Susulan daripada perkembangan politik di Tanah Melayu, taraf kedudukan identiti Lu Po-yeh yang sebelum ini seorang imigran Cina di Tanah Melayu telah bertukar kepada seorang warganegara Tanah Melayu yang sah. Identiti nasional Lu Po-yeh berubah disebabkan oleh perubahan status kewarganegaraan beliau dari seorang

imigran Cina kepada seorang warganegara Tanah Melayu. Selepas identiti nasional Lu Po-yeh terbentuk, Lu Po-yeh telah berusaha dalam usaha mendorong perpaduan di kalangan warganegara Tanah Melayu. Perubahan identiti nasional dari “maya” kepada “nyata” jelas dipaparkan dalam naratif penulisan Lu Po-yeh. Di samping itu, juga dibuktikan dengan penglibatan aktif beliau dalam kegiatan budaya dengan harapan membantu orang Cina memahami budaya tempatan supaya membentuk sebuah “negara bangsa” Tanah Melayu.

### **Orang Cina Tanah Melayu dan Identiti Nasional**

Pada akhir abad ke-19, masyarakat Cina seberang laut tidak berhubung dengan mana-mana kerajaan yang berkuasa di negara China. Namun, orang Cina seberang laut dengan sendirinya masih mengakui bahawa wujudnya sejenis hubungan simbolik dengan kerajaan pemerintah negara China pada masa itu. Sebenarnya, pertalian orang Cina seberang laut dengan kerajaan negara China ini lebih bersifat kebudayaan daripada politik. Oleh itu, makna konsep “bangsa” di kalangan orang Cina seberang laut sebagai ahli masyarakat minoriti merupakan sebuah komuniti dari segi kebudayaan. Komuniti berkenaan tidak mengambil kira kesahihan kewarganegaraan rasmi, pewarisan darah dalaman ataupun kumpulan dialek. Di samping itu, mereka berhidup di kalangan orang bukan Cina yang dikongkong oleh kuasa pemerintahan orang bukan Cina. Ini telah membentuk sebuah kumpulan etnik “orang Cina” yang batasannya amat jelas dengan “orang lain-lain” (Philip A. Kuhn 2009: p.248). Orang Cina yang berada di dalam masyarakat “orang lain-lain” ini menjadi faktor “nasionalisme” meninggi di kalangan orang Cina seberang laut dan menyebabkan gerakan seperti pengumpulan dana membantu pihak China dalam Perang Dunia Kedua yang mempunyai sifat kecinaan yang jelas selalu berlaku. Gerakan-gerakan tersebut merangsang kecenderungan xenofobia dan perasaan tidak puas hati di kalangan masyarakat orang tempatan. Pemikiran “nasionalisme” di kedua-dua masyarakat (masyarakat Cina dan masyarakat orang tempatan) saling mempengaruhi satu sama lain demi mencari cara untuk membina sebuah masyarakat dan negara berbilang bangsa yang harmoni. Oleh itu, identiti nasional menjadi satu isu yang tidak dapat dielakkan dalam pembinaan sebuah “negara bangsa”.

Identiti nasional dibentuk di atas identiti bangsa dan mempunyai makna dari segi politik. Pada masa yang sama, identiti nasional melambangkan pengakuan dan sokongan warganegara terhadap sistem negara. Dalam kata lain, ia merupakan

kedudukan seseorang individu dalam isu pengakuan negara. Identiti nasional dibina melalui perasaan diterima yang terbentuk daripada perkongsian tradisi sejarah, norma nilai etika dan kenangan bersama yang tidak terbilang banyaknya di antara warganegara. Selain itu, ia juga dibentuk melalui proses rundingan, pembelajaran dan pembinaan yang berbeza-beza dan dipengaruhi oleh kumpulan etnik, politik dan budaya sesuatu masyarakat. Dengan itu, pembentukan identiti nasional merupakan satu proses yang dinamik dan bersifat aktif serta giat. Jadi, peningkatan identiti nasional di kalangan warganegara dapat membantu menguatkan kesedaran patriotik dan suasana nasionalis terutamanya dalam konteks masyarakat multi-etnik di Tanah Melayu. Apabila seseorang warganegara cinta akan negara, dia sanggup bersikap toleransi dan menghormati kepelbagaian budaya dan adat resam yang wujud di kalangan warganegara Tanah Melayu yang berbilang kaum.

Wang Gungwu membahagikan kecenderungan politik masyarakat Cina Tanah Melayu kepada 3 jenis yang utama. Kumpulan A yang identitinya tidak dapat dipecahkan daripada identiti negara China. Kumpulan ini sangat mengambil berat tentang perkembangan politik di negara China dan mempunyai hubungan yang langsung atau tidak langsung dengan politik negara China. Kumpulan ini sangat mengambil berat nasib negara China, mempunyai kesedaran politik yang sangat tinggi walaupun mereka bermastautin di Tanah Melayu yang jauh dari negara China. Kerajaan tempatan selalu syak wasangka terhadap kumpulan ini dan menyebabkan kumpulan ini selalu berasa kekecewaan dan tidak diterima oleh kerajaan tempatan. Kumpulan B merupakan arus utama dalam masyarakat orang Cina di Tanah Melayu. Kumpulan ini merupakan orang yang bijak dan pragmatik. Kumpulan ini mengambil berat tentang isu politik setempat dan kepentingan langsung orang Cina. Walaupun kumpulan ini lebih cenderung kepada Tanah Melayu, mereka secara amnya tidak bermatlamat tinggi dari segi politik dan merupakan sebuah kumpulan yang duduk atas pagar. Kumpulan C merangkumi pelbagai kumpulan lain yang termasuk orang Cina yang lahir setempat dan menerima pendidikan Inggeris, penduduk di bawah jajahan British di negeri-negeri Selat, pengikut nasionalisme Melayu. Kumpulan C ini taat setia kepada Tanah Melayu dari segi politik (Wang 1970: 1-30). Berdasarkan cara pembahagian Wang Gungwu, Lu Po-yeh tidak termasuk dalam mana-mana kumpulan. Lebih tepatnya, Lu Po-yeh merupakan gabungan sifat kumpulan B dan Kumpulan C. Lu Po-yeh lahir di Tanah Melayu, beliau mengenali perkara-perkara tempatan, mengakui sifat setempat dan memeluk identiti tempatan. Selain

itu, beliau juga seorang yang pragmatik dan mengambil berat kepentingan langsung masyarakat Cina. Ini jelas ditunjuk dalam usaha pemupukan penguasaan bahasa Melayu dan penyesuaian budaya masyarakat Cina di Tanah Melayu.

### **Latar Belakang Lu Po-yeh<sup>2</sup>**

Lu Po-yeh 鲁白野 (1923-1961), nama asal ialah Li Xue Min 李学敏, nama lain Li Hua 李华, Li Fu Min 李福民. Beliau dilahirkan di Ipoh, Perak pada April 21, 1923. Tanah leluhur Lu Po-yeh terletak di Daerah Mei, wilayah Guangdong. Beliau ialah orang Hakka dan juga mempunyai darah baba memandangkan neneknya seorang nyonya. Selain nama pena Lu Po-yeh, beliau juga menggunakan nama pena yang lain seperti Wei Pe Hua 威北华, Lou Wen Mu 楼文牧, Yue Zi Geng 越子耕, Hua Xi Ding 华西定, Po Bing 破冰, Fan Chou 范畴, Yao Yuan 姚远 dan Yu Qiang 郁强.

Lu Po-yeh menghabiskan zaman kanak-kanaknya di Menglembu, Perak. Pada zaman kanak-kanak, Lu Po-yeh mendapat pelajaran di Sekolah Yuk Choy, Ipoh. Namun beliau hanya dapat menghadiri sekolah sehingga tahun 5 dan berhenti sekolah. Selepas itu, Lu Po-yeh pernah tinggal di beberapa tempat di Tanah Melayu seperti Lahat, Menglembu, Kampar, Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Jelaslah dilihat bahawa beliau telah menjalani kehidupan berpindah-randah dan terus merantau di merata tempat di Tanah Melayu.

Pada era penjajahan Jepun, Lu Po-yeh bersama bapanya melarikan diri ke Indonesia<sup>3</sup> (Kepulauan Hindia Timur Belanda), Mereka menaiki feri "Van Heutsz" dan tiba di pelabuhan Belawan yang terletak di Medan, Indonesia. Inilah bermulanya kehidupan buangan Lu Po-yeh di Indonesia selama 12 tahun. Lu Po-yeh pernah bersembunyi di kawasan hutan di sekitar Medan supaya melindungi diri daripada tentera Jepun. Untuk meneruskan kehidupan, beliau pernah mengambil pelbagai jenis pekerjaan seperti petani, guru, askar, wartawan dan tukang kayu. Pada masa itu, Lu Po-yeh (Wei Pe Hua) telah menyertai kumpulan seniman<sup>4</sup> Indonesia. Oleh itu, beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan sasterawan-sasterawan Angkatan Empat Puluh Lima terutamanya penyajak terkenal Indonesia – Chairil Anwar.

Pada tahun 1948, Lu Po-yeh telah balik ke Singapura dan memulakan peringkat baru dalam kehidupannya. Pada peringkat ini, selain berumah tangga dan mendapat 5 orang cahaya mata, beliau telah mendapat kestabilan dan kejayaan dalam kerjayanya. Lu Po-yeh telah meceburi diri dengan aktifnya dalam bidang sastera dan budaya. Beliau telah menghasilkan bilangan penerbitan yang banyak dalam tempoh 12 tahun ini sebelum meninggal dunia pada usia 38 tahun. Lu Po-yeh merupakan seorang penulis, penyajak, wartawan, penterjemah serta ketua editor kepada *Buku Teks Bahasa Kebangsaan, Majallah Bahasa Kebangsaan* 《马来语月刊》 dan *Kamus Berguna Bahasa Melayu-Tionghoa-Inggeris* 《实用马华英大辞典》. Karya-karyanya merangkumi penulisan-penulisan budaya seperti *Catatan Cebisan Singapura* 《狮城散记》 (*Shi Cheng Sanji*), *Catatan Cebisan Malaya* 《马来散记》 (*Malai Sanji*) 2 Jilid, *Tanggapan Tentang India* 《印度印象》 (*Yindu Yinxiang*), *Malaya* 《马来亚》 (*Ma Lai Ya*), penciptaan sastera seperti *Meteor* 《流星》 (*Liuxing*), *Bajak Pada Musim Bunga* 《春耕》 (*Chungeng*), *Perjalanan Sebelum Waktu Subur* 《黎明前的行脚》 (*Liming qian de Xingjiao*), karya sajak seperti *Koleksi Sajak* 《爱诗集》 (*Aishi ji*) dan buku penterjemahan dari bahasa Melayu ke bahasa Cina yang berjudul *Pantun: Sajak kepada Bangsa Melayu* 《马来民族的诗》 (*Malai Minzu de Shi*).

Oleh kerana Lu Po-yeh dilahirkan dan dibesarkan di Tanah Melayu, beliau mempunyai perasaan sentimen yang mendalam terhadap elemen-elemen tempatan. Karya Lu Po-yeh, tidak kira dalam bentuk prosa, puisi atau novel, semuanya mengelilingi pengalamannya di Tanah Melayu. Lu Po-yeh telah mencurahkan segala emosinya terhadap tanah air di bawah penanya. Melalui penciptaan budaya dan sastera, pelbagai watak, pemandangan, benda, warisan, legenda, sejarah dan lain-lain telah muncul dalam karya-karya Lu Po-yeh. Lu Po-yeh mencungkil struktur dan fakta yang tersembunyi dan jarang diketahui orang ramai dan juga mencari kebenaran yang tersembunyi oleh masyarakat dan negara. Pembaca dapat merasai cinta Lu Po-yeh akan tanah air Tanah Melayu yang mendalam melalui karya, dan juga dapat menemui perhubungan diri sendiri dengan orang lain. Dalam pelbagai penulisan sejarah dan budayanya, Lu Po-yeh telah mencari identiti sendiri dengan penuh emosi nostalgia. Pada masa yang sama, Lu Po-yeh juga mencari identitinya dalam latar belakang masyarakat yang berbilang budaya. Oleh itu, Lu Po-yeh telah mengemukakan persoalan mewakili orang Cina tempatan pada sekitar tahun 1950-an: Siapakah sebenarnya kami?<sup>5</sup>



### **Identiti “Maya” Lu Po-yeh**

Orang Cina yang berhijrah ke seberang laut pada peringkat awal tidak pernah bertanya tentang identiti mereka. Mereka mempunyai semangat patriotisme yang kuat. Pada tahun 1909, kerajaan Qing mengisytiharkan “Undang-undang Kewarganegaraan Kerajaan Wangsa Qing” (Qing Nationality Ordinance). Undang-undang ini merupakan undang-undang kewarganegaraan yang berasaskan prinsip “jus sanguinis”. Semua orang keturunan Cina dianggap sebagai “rakyat China” atau “diaspora China”. Undang-undang Kewarganegaraan yang berdasarkan prinsip “jus sanguinis” ini merupakan satu pertalian yang kuat di antara negara China dan orang Cina seberang laut dan berfungsi untuk menggalakkan pengakuan identiti China di kalangan orang Cina. Lu Po-yeh berketurunan imigran China dan membesar di Tanah Melayu. Pada masa itu, isu dwikewarganegaraan belum diselesaikan. Menurut Low Choo Chin, dwikewarganegaraan dibenarkan berlaku kerana undang-undang antarabangsa tidak mempunyai peraturan untuk menghalangnya (Low 2013: 7).<sup>6</sup> Walaupun raja-raja Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah meluluskan Enakmen Naturalisasi,<sup>7</sup> tetapi tidak terdapat perundangan kewarganegaraan yang mendefinisikan status orang bukan Melayu (Carnell 1952, 509). Selain itu, enakmen itu tidak memperuntukan pelepasan kewarganegaraan asal (Low 2013: 26). Di Negeri-negeri Melayu, ketiadaan enakmen kewarganegaraan menyebabkan kekaburan status orang Cina (Albert 1989: 217). Walaupun Lu Po-yeh mempunyai pengakuan yang kuat terhadap negara bermastautin, namun memandangkan kekaburan status di Tanah Melayu dan berdasarkan undang-undang kewarganegaraan yang berasaskan prinsip “jus sanguinis”, Lu Po-yeh masih cenderung kepada identiti China dalam isu identiti nasional. Pengakuan terhadap negara nenek moyang dalam hati Lu Po-yeh ini dipengaruhi oleh persekitaran masyarakatnya. Menurut Shamsul Baharuddin, pada tahun 1920, “Cina” pada mulanya cuma merupakan satu kategori etnik, namun ia telah berubah menjadi satu rangkaian etnik dan akhirnya menjadi satu persatuan Cina. Dari sinilah terbentuknya satu masyarakat Cina di Tanah Melayu dan masyarakat ini mempunyai talian hubungan yang ketat dengan Tanah Besar China. Keadaan ini diperkukuh melalui pelbagai cerita Cina (wira, penjahat, peristiwa dan sebagainya) dan tradisi Cina dan membentuk satu perasaan sentimen yang utama. Ini telah mewujudkan satu intipati komuniti yang berkongsi mitos nenek moyang, budaya yang sama dan juga merupakan pertalian kepada kampung halaman dan semangat perpaduan (2004: 125). Lu Po-yeh menerima identitinya sebagai orang

Cina. Oleh itu, dia juga menerima identiti China dalam isu kewarganegaraan. Akan tetapi, jika dibanding dengan generasi pertama yang berhijrah ke seberang laut, Lu Po-yeh dilahirkan dan dibesarkan di Tanah Melayu. Oleh itu, beliau mempunyai perasaan setempat yang lebih dalam. Lu Po-yeh tidak pernah hidup di negara China. Dalam esei “Nanfang de He” (Sungai di Selatan), Lu Po-yeh pernah berkata bahawa dia pernah balik ke negara nenek moyangnya sekali sahaja semasa dia masih kecil lagi. China ialah tempat asal nenek moyangnya dan merupakan “akar umbi” (root) kepada beliau. Walaupun pada tahap ini, identiti beliau cenderung kepada identiti China. Namun, identiti ini cuma dalam hati dan bayangan beliau.

Persekitaran masyarakat di mana seseorang bermastautin tentu memberi pengaruh kepadanya. Pengaruh daripada pendidikan dan media terhadap seseorang individu dan masyarakat berkenaan adalah amat berkesan. Benedict Anderson berpendapat bahawa pembentukan identiti negara bangsa moden berasal daripada idea “komuniti yang terbayang” (imagined community). Idea “komuniti yang terbayang” ini merupakan asas masyarakat yang terbentuk melalui teknologi pengeluaran dan hubungan pengeluaran kapitalisme moden. Dalam skop masa dan tempat yang tertentu, sejenis hubungan solidariti individu dengan komuniti dapat menghasilkan pengaruh melalui perusahaan pencetakan yang berskala besar walaupun kebanyakan anggota masyarakat tidak pernah saling berkenalan antara satu sama lain. Melalui media seperti surat khabar, buku teks, pendidikan bahasa Cina dan sebagainya, konsep negara bangsa dapat dibentuk melalui cara imaginasi. Cara imaginasi ini dapat mencetuskan pelbagai jenis emosi dan menghasilkan sejenis perasaan persamaan atau perasaan perbezaan antara orang ramai. Ini seterusnya akan menghasilkan satu komuniti terbayang secara kolektif (Anderson 2006: 131-140).

Mak Lau Fong pernah berkata dalam *Identiti Maya: Lagu Patriotik Awal di Kalangan Orang Cina Malaya*, lagu-lagu negara China yang dibawa ke luar negara oleh rombongan opera negara China telah membekalkan “identiti nasional” negara China kepada orang Cina yang bermastautin di luar negara. Malangnya, orang Cina tidak dapat menyesuaikan diri dengan identiti tersebut akibat daripada Perang Saudara negara China yang berlaku dengan hebat, cepat dan kencang serta keadaan masyarakat negara China yang tidak tenteram. Keadaan kehilangan identiti ini dapat dilihat daripada tingkah laku orang Cina. Mereka menyanyi apa sahaja lagu yang datang dari negara China tanpa

mengambil kira mesej lagu itu. Ini merupakan sejenis identiti maya. Selain daripada budaya asli yang semula jadi, tidak wujud sebarang kaitan yang signifikan di antara pengalaman individu dengan peristiwa dan watak yang muncul di dalam lirik lagu (Mak 2012: 111-115). Maka, pengalaman kehidupan di kampung halaman adalah penting. Jika seseorang kekurangan pengalaman kehidupan di kampung halaman, identitinya secara am merupakan sejenis identiti yang maya.

Media orang Cina merupakan salah satu contoh. Seawal tahun 1881, Surat khabar bahasa Cina seperti *Lat Pau* telah mula penerbitannya untuk berkhidmat kepada masyarakat orang Cina di Tanah Melayu dan Singapura. Surat khabar bahasa Cina memainkan peranan utama sebagai penyebar maklumat yang menyebarkan maklumat tentang masyarakat di Tanah Melayu dan Singapura serta maklumat di negara China kepada pembacanya. Surat khabar bahasa Cina ini memberi keutamaan untuk menerbit laporan yang mendalam tentang isu yang berkait rapat dengan orang Cina. Pada awal abad ke-20, kedua-dua parti royalis dan parti revolusi menggunakan surat khabar untuk menyebarkan pemikiran politik mereka. Surat khabar bahasa Cina arus utama seperti *Kwong Wah Yit Poh*, *Kok Min Yit Poh* dan sebagainya melapor berita dari perspektif negara China dan berfungsi untuk menyebarkan semangat patriotik kepada negara China. Surat khabar yang telah wujud sebelum Perang Dunia Kedua terhitung, termasuk *Sin Chew Jit Poh*, *Nanyang Siang Pau* dan sebagainya yang mengutamakan keuntungan, semuanya juga menitikberatkan penyebaran propaganda kepada orang Cina. Semasa era tentera Jepun menyerang negara China, surat khabar bahasa Cina di Tanah Melayu tersebut terutamanya telah memikul misi semasa dan beraktif dengan giat dalam kehangatan gerakan menentang Jepun dan menyelamatkan negara. Surat khabar bahasa Cina berjaya memberi kesan yang sangat besar dalam penyebaran propaganda dan usaha mengorganisasi dalam masyarakat Cina di Tanah Melayu. Selepas Perang Dunia Kedua, banyak surat khabar bahasa Cina yang telah diharamkan sebelum ini telah memulakan penerbitan semula. Pada akhir tahun 1940-an hingga tahun 1950-an, negara China mengalami Perang Saudara di antara Parti Kuomintang China dengan Parti Komunis China. Pada peringkat masa tersebut, surat khabar bahasa Cina masih mengekalkan hubungan yang sangat rapat dengan keadaan di negara China. Bagi sepuluh tahun selepas Perang Dunia Kedua, surat khabar bahasa Cina di Tanah Melayu masih merujuk China sebagai “tanah air” dan lebih menumpukan berita-berita di China berbanding dengan berita tempatan. Perkara ini terus memberi pengaruh yang ketara kepada pembaca surat khabar pada masa itu (Hara 2003: 43). Sebagai

media utama dalam masyarakat orang Cina, surat khabar bahasa Cina mempunyai pengaruh yang tidak dapat diabaikan. Lu Po-yeh yang lahir dan membesar di Tanah Melayu turut dipengaruhi oleh kecenderungan persekitarannya ini. Bagi Lu Po-yeh, negara asal orang Cina memanglah negara China. Dalam karya-karya Lu Po-yeh peringkat awal, negara yang dikenali sebagai “negara asal” merujuk kepada “negara China” manakala “rakyat” merujuk kepada “warganegara China”:

“Pelaut besar laksamana Cheng Ho negara kita telah mengembara ke Laut Barat sebanyak 7 kali, ...” (Lu 1953: 65, Penterjemahan Pengkaji)

“Sejarah warganegara kita yang datang menerokai Tanah Melayu, ...” (Lu 1954: 2, Penterjemahan Pengkaji)

“Muslim di Pulau Hainan negara kita...” (Lu 1954: 147, Penterjemahan Pengkaji)

“Masjid termasyur dalam sempadan negara kita mempunyai sejarah beratusan tahun. Sebagai contoh, masjid di wilayah Xi’an...” (Lu 1954: 212, Penterjemahan Pengkaji)

Selain daripada surat khabar bahasa Cina, pendidikan aliran Cina juga memainkan peranan penting. Pendidikan aliran Cina telah mengetatkan pertalian dalam masyarakat orang Cina sementara memelihara pengakuan identiti. Selaras dengan penambahan penduduk orang Cina, pendidikan aliran Cina di Tanah Melayu juga berkembang pesat. Akan tetapi, sebelum tahun 1950-an, pendidikan aliran Cina berlatar belakang setempat tidak digunakan secara meluas. Pada tahun 1815, pendidikan aliran Cina wujud sebagai sejenis pendidikan swasta tradisional. Pendidikan tersebut secara amnya merupakan sejenis pendidikan kampung halaman yang mengutamakan pemeliharaan pengakuan nenek moyang di kalangan anak-anak orang Cina. Pada akhir abad ke-19, Liang Qi Chao, Kang You Wei dan sebagainya telah menggalakkan pembaharuan pendidikan. Arus pemikiran baru ini telah meningkatkan kesedaran kebangsaan dan turut menggalakkan perkembangan pendidikan aliran Cina baru di Tanah Melayu. Pada tahun 1919, berlakunya Gerakan Sastera Baru 4 Mei yang berpengaruh luas di dalam dan di luar negara China. Gerakan ini juga menggalakkan perkembangan pendidikan aliran Cina di Tanah Melayu. Pendidikan baru di

Tanah Melayu ini mengambil sekolah di negara China sebagai teladan dan mendirikan sekolah aliran Cina jenis baru. Sekolah aliran Cina baru menggunakan sistem pendidikan dan sukatan pelajaran yang mewarisi sistem pendidikan negara China dan kandungan pendidikannya juga mengutamakan negara China. Pada peringkat masa ini, pendidikan aliran Cina juga boleh dikenali sebagai pendidikan diaspora China. Fungsi utamanya ialah untuk memelihara pemikiran kenegaraan dan kebangsaan berdasarkan negara China, memupuk semangat patriotik dan menanam pengakuan terhadap negara China di kalangan diaspora China (Hu 2010: 29-31).

“Pada pendapat saya, misi utama pendidikan diaspora China di Nanyang ialah mengekalkan sifat kebangsaan orang Cina dan mengenali serta mencintai negara nenek moyang secara tuntas.” (Chen 1929: 372). Pada awal abad ke-20, pendidikan aliran Cina di Tanah Melayu berkait rapat dengan negara China dan penuh dengan pemikiran patriotisme terhadap negara nenek moyang. Hingga tahun 1931, kerajaan negara China membentuk Jawatankuasa Hal Ehwai Cina Seberang Laut untuk memantau dan membantu pendidikan orang Cina seberang laut. Jelasnya, kerajaan negara China telah mengambil langkah yang giat untuk mengambil bahagian dalam usaha pendidikan orang Cina seberang laut. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Enakmen Pendaftaran Sekolah pada tahun 1920 bersama dengan pelbagai dasar kerajaan penjajah British menyebabkan sukatan pelajaran sekolah aliran Cina dan buku teks yang dibawa masuk dari negara China diletak bawah kawalan. Akan tetapi, pendidikan aliran Cina masih memberi pengaruh yang tidak langsung kepada pelajarannya dan tetap merupakan faktor yang penting dalam usaha menggalakkan kecenderungan terhadap negara China dalam isu identiti nasional.

Di samping itu, konsular dari China telah dilantik untuk membantu dan melindungi orang Cina di Tanah Melayu. Sistem ini diamalkan bermula pada tahun 1877 hingga 1950 di merata tempat di Tanah Melayu termasuk Ipoh, Pulau Pinang, Sandakan, Kuching, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur dan sebagainya. Semasa Konsul Jeneral Dr Wu Paak-Shing melawat ke merata tempat di Tanah Melayu pada tahun 1946, beliau telah disambut dengan meriah dan bersemangat oleh masyarakat Cina tempatan. Perkara ini telah dilaporkan oleh *Min Sheng Pao* dan bergelar beliau sebagai “wakil tanah air” dan mendesak beliau menyelesaikan isu-isu masyarakat Cina di Tanah Melayu (Hara 2003: 53-54). Sistem konsular bukan sahaja membawa pengaruh yang besar malah merupakan satu simbolik

wakil orang Cina dan juga keprihatinan kerajaan China terhadap orang Cina di seberang laut.

Selain daripada itu, parti revolusi – Kuomintang yang diketuai oleh Sun Yat-sen amat giat dalam mengorganisasikan orang Cina Nanyang untuk menyertai gerakan revolusi. Parti revolusi ini akan menyebarkan karya sastera dan buku sejarah di kalangan orang Cina. Dalam beberapa gerakan demokrasi yang berlaku sekitar awal abad ke-20 hingga ke pembentukan China Baru, sekolah aliran Cina di Tanah Melayu turut memberi sokongan dan mengambil bahagian. Dari usaha mengutip derma untuk mengumpul dana revolusi hingga ke penyebaran revolusi demokrasi, sekolah-sekolah aliran Cina ini menggalakkan perasaan cinta kepada negara (China) di kalangan orang Cina dan memberi sokongan kepada gerakan revolusi. Dalam “Pendahuluan” *Catatan Cebisan Malaya*, Lu Po-yeh berkata bahawa dia pernah bersekolah di Sekolah Yuk Choy di Ipoh semasa kecil. Penangkapan Lu Po-yeh terhadap idea “negara asal” ialah negara “China” ditanam dalam pemikiran dan kesedarannya adalah pengaruh daripada pendidikan, buku teks, media massa serta seterusnya pengaruh gerakan revolusi yang berlaku semasa itu.

Pengaruh ideologi sebegini adalah sangat meluas. Dalam proses pemasyarakatan, seseorang individu perlu berintegrasi dengan sesuatu kumpulan sosial. Dalam proses ini, pengenalan yang pertama ialah pengakuan identiti diri dan kedua ialah pengakuan identiti masyarakat. Pengakuan identiti diri ialah pembentukan jawapan tentang persoalan “siapakah aku”. Seseorang individu membentuk pengenalan tentang konsep identiti diri ini dan melengkapinya dengan perasaan pengakuan identiti diri ini melalui proses pemikiran kembali yang berterusan atau dalam interaksi dengan orang lain dalam masyarakat. Menurut pakar psikologi British Henri Tajfel, apabila seseorang mengetahui bahawa dia tergolong dalam sesuatu kumpulan sosial dan menerima kelayakan sebagai anggotanya, pengetahuan ini akan memberi makna kepadanya dari segi emosi dan nilai. Dengan kata lain, dia akan dapat menyedari bahawa dia tergolong dalam suatu kelompok sosial yang tertentu dan tidak boleh dipecahkan daripada kelompok sosial ini (Hogg & Abrams 2006: 7). Pengakuan terhadap kelompok sosial ini membolehkan Lu Po-yeh merasai hubungan persaudaraan terhadap orang Cina yang lain dan percaya bahawa dia juga tergolong sebagai seorang anggota masyarakat orang Cina yang secara semula jadinya melihat negara China sebagai “negara asal”. Masyarakat Cina amat cenderung kepada negara China. Pengakuan identiti diri sebagai orang

China atau keturunan orang China tersebar luas. Dari segi budaya pula, mereka juga percaya bahawa mereka lebih unggul. Dari Zaman Musim Bunga dan Musim Luruh serta Zaman Negeri-negeri Berperang hingga ke Dinasti Qin, Han, Sui dan Tang, negara China merupakan ketua di arena dunia yang mempunyai ekonomi yang makmur, kuasa ketenteraan yang kuat, budaya yang tinggi dan nama yang termasyhur (Fang 2001: 13). Budaya Tionghoa merupakan budaya yang luas serta dalam dan wajar dipelajari oleh bangsa yang berbudaya rendah: “...Selepas itu, setiap kali Cheng Ho datang ke Nanyang, dia akan bersinggah di Melaka. Cheng Ho yang berusaha kuat untuk memujuk Parameswara dan membawa Parameswara ke negara China untuk mempelajari budaya Cina yang merangkumi aspek-aspek seperti tata tertib istana, tabiat kehidupan, pemikiran politik, ...” (Lu 1954: 9, Penterjemahan Pengkaji).

Akan tetapi, selepas gelombang imigrasi yang berlaku pada pertengahan abad ke-19, bermula pada awal abad ke-20, orang Cina generasi kedua telah lahir di masyarakat tempatan. Jika dibandingkan dengan pendatang Cina generasi pertama, orang Cina generasi kedua yang lahir di Tanah Melayu mempunyai pengakuan yang lebih kuat terhadap masyarakat tempatan dan mempunyai konsensus bahawa “kampung halaman ialah Tanah Melayu”. Bagi Lu Po-yeh, negara China merupakan negara nenek moyang, iaitu kampung halaman nenek moyang. Lu Po-yeh tidak mempunyai pengalaman tentang kehidupan di negara China dan pengetahuannya tentang perkara negara China juga terhad. Pengakuan bahawa “negara asal” ialah negara “China” merupakan warisan emosi nenek moyang dan juga pengaruh ideologi dari pelbagai aspek dalam masyarakat dan ini hanya diwarisi melalui bayangan imaginasi. Pada peringkat masa ini, identiti nasional Lu Po-yeh merupakan sesuatu identiti di dalam imaginasi. Dengan kata lain, identiti ini bersifat maya.

### **Identiti “Nyata” Lu Po-yeh**

Pada tahun 1942, tentera Jepun menyerang Tanah Melayu dan telah melakukan pelbagai perbuatan ganas yang membawa kepada pertumpahan darah. Perbuatan tentera Jepun ini telah menggentar masyarakat Tanah Melayu. Orang Cina di Tanah Melayu merupakan golongan yang terutamanya diseksa oleh keganasan Jingoisme Jepun. Seawal masa tentera Jepun menyerang negara China, orang Cina di Tanah Melayu sudah pun mengambil pelbagai langkah untuk menyertai gerakan besar-besaran menentang tentera Jepun dan menyelamatkan negara

China. Dalam peringkat masa tentera Jepun menyerang Tanah Melayu, orang Cina juga menjadi kuasa penentangan yang utama. Pada masa ini, banyak infrastruktur dan kemudahan pengeluaran di Tanah Melayu telah dimusnahkan, bekalan makanan tidak mencukupi dan orang ramai hidup dalam kesengsaraan. Oleh sebab ramai orang Cina dibunuh oleh tentera Jepun, sesetengah orang Cina telah melarikan diri ke luar negara untuk menjauhkan diri daripada keganasan tentera Jepun. Pada tahun 1942, Lu Po-yeh telah menaiki kapal “Van Heutz” untuk melarikan diri dari Tanah Melayu dan kemudiannya bersinggah di Indonesia. Mengikut analisis Wang Horng-Luen, peperangan bukan sahaja peristiwa sejarah yang dapat mengubah struktur masyarakat malah orang ramai juga mungkin membentuk rangka pengetahuan yang baru melalui usaha mendefinisi, memahami, menginterpretasi peperangan dan peninggalannya. Pengetahuan baru ini akan mempengaruhi cara orang ramai melihat diri sendiri dan dunia persekitarannya (Wang 2014: 167). Dalam “Gaoyuan Duange” 〈高原短歌〉 (Lagu Pendek Tanah Tinggi), Lu Po-yeh menulis bagaimana watak “Su Wen” terpaksa tinggal di tanah tinggi dengan perasaan marah terhadap keadaannya di mana dia terpaksa berada di dalam persekitaran realiti yang sempit. Hati Suwen menginginkan dunia yang luas. Lu Po-yeh telah menggambarkan keinginannya untuk membina negara yang merdeka melalui watak Su Wen yang “ingin mencari sebuah tanah baru di mana dia boleh berusaha secara bebas”. (Wei 1955: 23-24, Penterjemahan Pengkaji)

Kehidupan diaspora Lu Po-yeh telah membentuk pandangan dan pengetahuan pelbagai budaya (Liua 2020: 24). Selepas mengalami pengalaman hidup dalam buangan di Indonesia, identiti nasional Lu Po-yeh mula mengalami transformasi yang menyebabkan pengakuan Lu Po-yeh terhadap identiti tempatan menjadi lebih mendalam. Lu Po-yeh berasa bangga kerana dia berasal dari “Kota Wira” (Singapura). Lu Po-yeh berkata:

“Saya masih mengingati masa saya mengembara di Indonesia. Apabila orang tempatan mengetahui bahawa saya seorang anak liar yang datang dari tanah di seberang laut, mereka memegang tangan saya secara kuat dengan ramah dan penuh kehairahan. Ini kerana bagi mereka, peristiwa mengenai tangan penjahat Jepun yang pernah menawan Pulau Singa ini 12 tahun yang lalu bukan setakat cerita sahaja. Apabila maruah Pulau Singa dicabuli, orang ramai yang taat setia kepadanya telah menentang dengan mengambil senapang dan



menembak penjahat-penjahat ini. Apabila mereka mendengar suara dari seberang laut, mereka begitu terharu sehingga air mata yang hangat mengalir keluar dari mata mereka secara tidak terkawal. Mereka memeluk saya dengan kuat. Singapura, memang sebuah Kota Wira! ...”

“Oleh itu, orang Indonesia selalu menaruh pandangan yang begitu kagum terhadap saya. Seorang anak liar dari Singapura. Saya, akan berbangga dengan sejarah ini!” (Lu 1953: 1, Penterjemahan Pengkaji)

“Apabila mengetahui bahawa saya datang dari Pulau Singa, mereka memegang tangan saya secara kuat dan ramah lalu menanya tentang perincian Sungai Singapura.” (Wei 1955: 18, Penterjemahan Pengkaji)

Semasa era pemerintahan tentera Jepun, Lu Po-yeh pernah mengalami kehidupan tanpa tempat menetap yang tentu, pernah hidup dalam keadaan buang negeri, pernah diberkas dalam perjuangan menentang tentera Jepun. “Dari waktu malam hingga waktu siang, saya dipukul untuk selama 12 jam. Seluar saya pun telah koyak robak akibat daripada pukulan, tidak perlulah saya menceritakan betapa buruk keadaan tubuh badan saya. Saya bertahan dengan bersungguh-sungguh. Kepercayaan bahawa penentangan pasti akan menang pada akhirnya memberi sokongan kepada saya dan menabahkan hati saya. Akhirnya saya masih hidup selepas mengalami penyeksaan bagai neraka ini.” (Lu 1959: 88, Penterjemahan Pengkaji). Pengalaman Lu Po-yeh ini menyebabkan dia sangat mengingini kehidupan yang aman serta stabil dan telah membentuk kesedaran negara bangsa. Ini berkait rapat dengan pembentukan identitinya. Dalam “Qiutian Jijian” 〈秋天寄简〉 (Surat Musim Luruh), Lu Po-yeh membantah Zhuo (watak dalam artikel) pulang ke utara:

“Saya menentang keras tentang pendapat yang selalu dikatakan oleh anda tentang pemulangan ke utara. Itu hanya seorang pelari yang mengikut fahaman individualisme. Kita harus mencintai tanah air ini di mana nenek moyang kita telah bersusah payah, mengalir darah dan air mata serta mengorbankan nyawa yang tidak terbilang untuk meneroka, membuka, dan mengusaha. Tanah ini merupakan warisan daripada nenek moyang. Kita harus hidup, bercinta, belajar dan berjuang di sini. Jika kita rasa derita, biar kita rasa derita

di atas tanah air negara kita ini. Jika kita mati pun kita harus mati di atas dada tanah air kita ini!” (Wei 1959: 106, Penterjemahan Pengkaji)

Melalui kutipan di atas, perasaan cinta, pengakuan yang kuat serta kesedaran negara bangsa terhadap tanah air yang baru terbentuk dapat dilihat dengan jelas. Identiti nasional Lu Po-yeh terhadap Tanah Melayu dipapar dengan ketaranya melalui penulisan watak Hai Lun dalam novel beliau. Semasa Perang Dunia Kedua, ramai orang Cina yang menyertai perjuangan menentang Jepun. Dalam “Jintian Haibushi Chuntian” 〈今天还不是春天〉 (Hari Ini Belum Lagi Musim Bunga), Hai Lun, seorang gadis keturunan Cina yang dilahir di Ipoh telah hidup dalam buangan di Indonesia dan menyertai gerakan menentang Jepun. Selepas Indonesia ditawan, Hai Lun telah kembali ke Tanah Melayu untuk menyertai organisasi menentang Jepun. Hai Lun telah mengorbankan percintaannya apabila dia masuk ke negara Thai secara bersembunyi demi mendapat maklumat tentang pembinaan “Landasan Keretapi Maut” kepada Pihak Bersekutu. Kes Hai Lun menentang Jepun bukan satu kes individu. Semasa Tanah Melayu ditawan, orang Cina Tanah Melayu telah secara beramai-ramai menaruh diri dalam medan perang dan menyertai aktiviti menentang Jepun. Orang Cina telah membuat pengorbanan yang sangat besar demi mempertahankan Tanah Melayu.

Selepas mengalami era pemerintahan tentera Jepun yang tertekan, penuh ketakutan dan terpaksa hidup tanpa maruah, Lu Po-yeh tidak dapat menahan perasaan teruja-uja dan perasaan bebas yang amat bernilai selepas menerima khabar bahawa tentera Jepun telah kalah dalam peperangan. Lu Po-yeh menulis:

“Walaupun tidak nampak bendera putih dinaikkan, secara tiba-tiba kami semua telah mengetahui khabar ini. Tiba-tiba, ada orang yang mengingati kerja-kerja yang terpaksa dihentikan tiga setengah tahun dahulu. Ada orang yang bergesa-gesa ingin mencari saudara dan kawan lama yang telah melarikan diri ke tempat yang sangat jauh. Ada orang yang mula memimpikan impian yang baru. Ada orang yang ingin melancong. Ada orang yang ketawa dengan gembira. Kepercayaan, kebenaran, percintaan... tiba-tiba, semuanya mula bercambah. Buku-buku, radio diambil keluar dari langit-langit rumah. Pengalaman dilahirkan semula ini merupakan satu pengalaman yang ajaib. Pengalaman ini bagai mengalami

gempa bumi atau letupan gunung berapi. Keadaan orang ramai berjalan di jalan raya kelihatan langsung tidak sama. Mereka berjalan dengan begitu megah dan berani. Air muka yang penuh dengan ketakutan dan kengerian tidak lagi kelihatan.” (Wei 1955: 25, Penterjemahan Pengkaji)

Pengalaman kehidupan dalam era peperangan merupakan pembentukan asas kepada transformasi identiti nasional untuk Lu Po-yeh. Ini juga membuktikan bahawa peperangan akan membawa pengaruh dari segi persepsi dan mental.

Selepas Perang Dunia Kedua hingga ke tahun 1950-an, orang Cina tidak lagi melihat Tanah Melayu sebagai tempat untuk mencari rezeki sahaja. Secara amnya, orang Cina mula mempunyai pemikiran “berakar umbi” di Tanah Melayu. Menurut Choi Kwei Keong, selepas Perang Dunia Kedua, identiti nasional orang Cina di Tanah Melayu mula mengalami transformasi, terutamanya dalam peringkat masa sebelum kemerdekaan hingga ke tahun 1959. Masyarakat orang Cina telah bertukar daripada identiti China kepada identiti Tanah Melayu (2007: 337). Jika dibandingkan dengan orang Cina generasi pertama, orang Cina generasi kedua yang lahir di Tanah Melayu membesar dalam persekitaran dan hubungan sosial yang amat berbeza dengan orang Cina generasi sebelumnya. Orang Cina generasi kedua ini mempunyai sifat setempat yang tertentu. Akan tetapi, walaupun orang Cina yang lahir di Tanah Melayu mempunyai identiti setempat yang kuat, dalam mata kumpulan etnik Melayu, orang Cina masih merupakan “orang lain-lain”. Kerajaan penjajah British dan orang Melayu masih bertanggapan bahawa kebanyakan orang Cina beridentiti China, merupakan pendatang dan tidak taat setia kepada Tanah Melayu. Lu Po-yeh telah dengan bijaknya mencerminkan kegelisahan identiti yang dialami oleh orang Cina setempat melalui perwatakan di dalam esei dan novel yang diciptanya. Watak-watak tersebut berada di dalam masyarakat yang berlatar belakang negara yang berbilang etnik pada sekitar tahun 50-an. Pada masa itu, orang Cina sedang diganggu oleh isu-isu seperti isu hak kewarganegaraan, isu pendidikan aliran Cina dan sebagainya. Sepanjang masa ini, orang Cina di Tanah Melayu memberi sumbangan yang sangat besar dalam pelbagai bidang yang utama, termasuk: lada, gambir, kopi, getah, lombong, perusahaan industri, perniagaan, perdagangan dan lain-lain. Orang Cina merupakan tenaga utama dalam pembangunan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu. Dalam usaha mempertahankan keamanan, orang Cina juga memberi sumbangan. Yap Ah Loy yang menamatkan rusuhan di Kuala Lumpur merupakan salah satu contohnya. Lu Po-yeh memberi pujian yang tinggi

terhadap sumbangan orang Cina terhadap Tanah Melayu. Dalam beberapa buah karyanya di dalam *Catatan Cebisan Malaya* dan *Catatan Cebisan Singapura*, Lu Po-yeh telah menunjukkan pelbagai sumbangan orang Cina dan mempamerkan gambaran tentang cara orang Cina menanam akar umbinya di Tanah Melayu.

Akan tetapi, semasa negara menuju ke arah kemerdekaan dan autonomi, orang Cina dianggap sebagai pendatang oleh orang Melayu yang merupakan etnik majoriti. Dalam Rancangan Persekutuan Tanah Melayu, isu syarat kewarganegaraan orang Cina yang diperketatkan tanpa belas kasihan menyebabkan orang Cina mengalami dugaan yang mencabar untuk mendapat hak kewarganegaraan. Untuk masa yang panjang, orang Cina telah membuat sumbangan yang tidak terhingga terhadap Tanah Melayu. Akan tetapi, mereka dihalang di luar pintu negara apabila negara ini berjalan ke arah kemerdekaan. “Diri sendiri ” dan “orang lain-lain” menjadi sesuatu yang berlingkar dalam pemikiran orang Cina. Lu Po-yeh telah memerihalkan dan menanyakan persoalan “Siapakah sebenarnya kami?” melalui pelbagai cara. Tindakan orang Cina mempertahankan Tanah Melayu dengan beraninya dalam perjuangan adalah satu proses orang Cina menceburkan diri dalam struktur politik tempatan. Di samping itu, ini juga merupakan satu proses transformasi pengakuan identiti diri. Dalam “Baba de Wenxue” 〈峇峇的文学〉 (Kesusasteraan Baba), Lu Po-yeh berkata dengan penuh gelisah kepada masyarakat orang Cina, “Penyertaan orang Cina dalam politik merupakan isu penting yang harus diberi perhatian. Politik merupakan perkara orang ramai. Kalau kita tidak cuba mengambil bahagian dalam politik dan memperjuangkan serba sedikit kedudukan, siapakah yang akan mempertahankan kepentingan kami pada masa depan?” (Lu 1954: 58, Pentermahan Pengkaji). Lu Po-yeh berharap agar orang Cina akan giat mengambil bahagian dalam politik supaya dapat mempertahankan kepentingan kumpulan etnik Cina. Lu Po-yeh juga berharap tinggi terhadap integrasi orang Cina ke dalam masyarakat setempat dan harapan inilah yang menjadi faktor transformasi identiti kenegaraan Lu Po-yeh.

Selepas Perang Dunia Kedua, kerajaan penjajah British telah kembali ke Tanah Melayu dan cuba menerusi penjajahannya terhadap tanah ini dengan mengubah cara pemerintahannya kepada cara pemerintahan kuasa pusat. Akan tetapi, apabila suara pembebasan bangsa bangkit di merata-rata tempat di seluruh dunia, orang ramai di Tanah Melayu juga telah bersuara untuk membantah penjajahan dan meminta kemerdekaan dan kuasa pemerintahan autonomi daripada British.

Kerajaan penjajah British terpaksa memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu, UMNO telah memainkan peranan yang utama dan menjadi parti yang memegang kuasa dalam perjalanan pembinaan negara di Tanah Melayu. Pada tahun 1952, gabungan UMNO dan MCA berjaya menang dalam Pilihan Raya Perbandaran Kuala Lumpur yang pertama. Kemudiannya, pada tahun 1955, gabungan 3 parti utama di Tanah Melayu telah melahirkan Parti Perikatan yang mencapai kemenangan yang besar dalam Pilihan Raya Umum Tanah Melayu. Dalam 52 kerusi yang dipertandingkan, Parti Perikatan telah memenangi sebanyak 51 kerusi. Ini merupakan permulaan Tanah Melayu ke arah autonomi. Pada tahun 1956, rombongan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman telah bertolak ke London untuk mengadakan rundingan kemerdekaan dengan kerajaan British. Pada 8 Ogos 1957, kerajaan yang dibentuk dengan gabungan 3 parti tersebut telah mengisytiharkan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. Sejak itu, sebuah negara yang baru telah dilahirkan.

Sementara itu, perdana menteri negara China Zhou En Lai bersama dengan menteri luar Indonesia telah menandatangani “Persetujuan Perjanjian antara Republik Indonesia dan Republik Rakyat Tiongkok Mengenai Soal Dwikewarganegaraan” di Persidangan Bandung pada tahun 1955. Dengan persetujuan perjanjian ini, negara China membatalkan prinsip jus sanguinis dalam penentuan kewarganegaraan supaya orang Cina boleh melepaskan kewarganegaraan China dan memasuki warganegara negara bermastautin. Ini juga bermakna, negara China tidak lagi mengakui dwikewarganegaraan. Apabila Persekutuan Tanah Melayu menggubal perlembagaan barunya, hak istimewa orang Melayu telah mendapat jaminan dalam perlembagaan. Melalui rundingan, orang Cina menerima hak kewarganegaraan atas syarat pengakuan kedudukan ketuanan orang Melayu ini. Dalam situasi pada masa itu, orang Cina sebenarnya tidak mempunyai pilihan yang lain. Ramai orang Cina telah memasuki warganegara negara bermastautin dan menjadi warganegara yang sah. Orang Cina di Tanah Melayu juga bertukar daripada masyarakat diaspora China kepada masyarakat orang Cina tempatan. Selepas kemerdekaan Tanah Melayu, kesedaran kenegaraan Lu Po-yeh juga telah bertukar daripada China kepada Tanah Melayu. Dalam “*Liming Qian de Xingjiao*” 〈黎明前的行脚〉 (Perjalanan Sebelum Waktu Subur), perasaan teruja-uja dan penuh berharapan dalam hati Lu Po-yeh dapat dilihat. Dalam karya ini, “negara asal” merujuk kepada Tanah Melayu:

“Sebelum tibanya waktu subuh yang bebas, dengan penuh harapan, dengan gambaran masa depan yang indah, Fengzi dan saya akhirnya berjaya berjalan di jalan besar di Malaya yang telah mencapai kemerdekaan penuh. Kami ingin menikmati pemandangan waktu subuh, kami ingin melihat bagaimana negara asal kami membunyikan loceng gergasi kemerdekaan dan mendengar apa yang dikatakan oleh orang biasa.” (Wei 1959: 109, Penterjemahan Pengkaji)

Pada masa ini, Lu Po-yeh memahami dengan mendalam kepentingan membina identiti negara bangsa. Rangka naratif Lu Po-yeh telah berubah daripada naratif “kumpulan etnik” kepada “negara bangsa” dan perspektifnya juga bertukar daripada “orang China” kepada “warga Tanah Melayu”. Dalam muka surat pertama buku *Malaya*, kelihatan cetakan slogan di atas jata negara yang berbunyi “bersekutu bertambah maju” serta petikan daripada percakapan Tunku Abdul Rahman semasa Hari Kemerdekaan pada tahun 1958 yang berkata bahawa “negara kita yang berada dalam dunia yang penuh pergolakan merupakan sebuah negara yang aman.” (Lu 1960: i). Selepas mengalami peperangan, kepentingan mencapai keamanan dan kestabilan kampung halaman menjadi lebih jelas. Pengakuan identiti individu berkait rapat dengan ingatan sejarah. Maurice Halbwachs berpendapat bahawa ingatan merupakan proses dan akibat daripada peristiwa lama yang dikongsi bersama oleh semua anggota di dalam sebuah kelompok sosial yang tertentu. Bahasa, logik, konsep merupakan 3 tiang utama dalam ingatan (Wu & Gu 2018: 77), orang ramai mendapat ingatan melalui interaksi sosial sebelum dapat mengimbas kembali, mengidentifikasi, dan memberi kedudukan yang sesuai kepada ingatan (Halbwachs 2002: 38-39). Apabila suatu ingatan dapat menggambarkan semula perasaan koleksi sesuatu kelompok sosial, ingatan menjadi sesuatu yang bersifat kolektif (Halbwachs 2002: 169). Disebabkan oleh pengaruh faktor sejarah dan politik, semua kumpulan etnik di Tanah Melayu telah mengalami era politik yang berbeza satu demi satu. Untuk jangka masa yang panjang, faktor seperti penjajahan oleh “orang lain-lain”, perjuangan bersama untuk mencapai kemerdekaan, pengalaman dan nasib yang dikongsi bersama telah menyebabkan semua kumpulan etnik telah berintegrasi dengan tempat bermastautin secara sedar atau tidak sedar dan telah membayangkan sebuah komuniti terbayang bersama-sama dengan orang tempatan. Menurut Wang Ming Ke, dalam kehidupan sosial seseorang individu, ingatan peristiwa lama membentuk sejenis skema dalam psikologi seseorang.

Sebagai seorang anggota dalam sebuah kelompok sosial, apabila seseorang individu berinteraksi dengan individu atau kelompok sosial yang lain di dunia luar, individu itu dapat membina sebuah sistem pengakuan sosial melalui peringatan dalam skema psikologi. Peringatan sebegini biasanya bersifat kolektif. Orang ramai dalam masyarakat selalu membuat pilihan kolektif, mengaktifkan serta mengukuhkan ingatan masyarakat yang tertentu untuk membina pengakuan antara anggota masyarakat (2006: 254). Ingatan kolektif menyatukan identiti antara kumpulan etnik Tanah Melayu yang berbeza dan menghasilkan perasaan diterima dan pengakuan terhadap Tanah Melayu di kalangan orang ramai. Proses ini juga berlaku pada Lu Po-yeh. Setelah mengalami peristiwa-peristiwa politik dan pelbagai perubahan dalam kehidupan, pendirian identiti beliau adalah sangat kukuh pada masa ini. Semangat kekitaan membara dan keinginan menjadi seorang warga dalam masyarakat Tanah Melayu telah jelas dipaparkan. Buku *Malaya* yang ditulis selepas negara mencapai kemerdekaan mempunyai kandungan yang merangkumi perkembangan sejarah, perbincangan geografi, populasi, sistem ekonomi, gerakan pekerja, elit politik dan sebagainya. Pada masa ini, Lu Po-yeh mempunyai kesedaran kenegaraan yang sangat jelas. Dalam “Pendahuluan” buku *Malaya*, Lu Po-yeh menulis dengan teruja-ujia:

“Saya mencintai Malaya.

Bukan sahaja kerana saya dilahirkan di atas tanah air yang harum ini, bukan sahaja kerana saya pernah meminum air manis daripada Sungai Perak. Saya seorang anak liar yang bermain dalam lumpur merah di lombong bijih timah. Saya mencintai Malaya kerana tanah air saya telah menjejaki langkah sejarah Asia yang melangkah ke hadapan dengan penuh tabah dan berani. Oleh kerana sungai dan gunung di tanah air telah menukar baju yang baru dan rakyatnya sedang bernafaskan udara yang segar dan bebas. ...Kemerdekaan negara kami sudah tiba, masa untuk membina negara yang aman telah tiba di tanah air kami yang direstui ini. Pembangunan akan menjadi tumpuan kehidupan kami pada masa hadapan. Saya percaya, setiap orang yang mencintai tanah airnya akan menyumbangkan dirinya kepada pembinaan negara. Marilah kita bersatu padu dan melangkah ke arah yang paling indah.” (Lu 1958: 1, Penterjemahan Pengkaji)

Menurut Tan Chee Beng, masyarakat Cina di Tanah Melayu sedar tentang kepentingan mempunyai hubungan baik dan erat dengan masyarakat tempatan (1997: 112). Lu Po-yeh penuh wawasan dengan pembinaan negara yang baru. Dalam bahagian akhir buku *Malaya*, Lu Po-yeh berkata, “Hari ini, suatu masa di mana kesedaran kebangsaan dan gelombang anti-kolonisme sedang bergelora, dalam usaha pembangunan negara, kita mesti berjaya, kita tidak boleh kalah.” (Lu 1958: 212).

Ini melambangkan identiti nasional “Tanah Melayu” Lu Po-yeh telah siap terbentuk. Selain daripada penulisan Lu Po-yeh, penentuan identiti nasional ini jelas dipapar dalam tindakan dan usaha Lu Po-yeh kemudiannya. Lu Po-yeh giat menyertai usaha pembanguan budaya negara dengan penerbitan *Majallah Bahasa Kebangsaan* yang membantu masyarakat Cina dalam penyesuaian budaya tempatan dan penguasaan bahasa Melayu. Pengakuan ini bukan sesuatu yang “maya”, tetapi sesuatu yang “nyata”. Begitu juga dengan beberapa orang sasterawan Mahua lain yang telah menunjukkan pendirian identiti yang “nyata” seperti Yang Quee Yee dan Chan Maw Woh. Mereka juga melalui era pergolakan politik di Tanah Melayu. Mereka sedar akan kepentingan penentuan identiti diri seseorang. Oleh yang demikian, penentuan identiti ini terus ditunjukkan dalam usaha-usaha mereka membantu masyarakat Cina menyesuaikan diri dalam budaya tempatan dan mempelajari bahasa Melayu. Yang Quee Yee telah berusaha dan mendapat pencapaian yang tinggi dalam bidang penerbitan kamus bahasa Melayu - Cina dan Chen Maw Woh mempunyai pencapaian yang tinggi dalam bidang penterjemahan dan berusaha dalam petukaran budaya antara Cina dengan Melayu. Antara penulisan buku-buku Chan Maw Woh ialah *Wajah Sasterawan Melayu*, *Arus Melayu Singapura*, *Delima Merah Di Jari Manis*, *Bunga Rampai Indonesia*, *Serabut*, *Kapai-kapai* (drama Indonesia), *Duka Tuan Bertakhta – 1819*, *Koobangan* (dwibahasa), *Tongkat Bambu* (dwibahasa), *Dongeng Tiongkok Kuno* (dwibahasa), *Antologi Cerpen Xinhua* (penterjemahan bahasa Cina - Melayu).<sup>8</sup> Namun, tidak boleh dinafikan bahawa Lu Po-yeh ialah seorang yang berpandangan jauh. Beliau merupakan sasterawan “pendahulu” yang memikul tanggungjawab dalam integrasi budaya tempatan dan menggerakkan usaha pembinaan budaya negara.



## **KESIMPULAN**

Orang Cina yang berhijrah ke seberang laut pada mulanya membawa bersama budaya dan identiti asal mereka. Pada peringkat awal, disebabkan isu dwikewarganegaraan belum diselesaikan dan pengaruh daripada persekitaran masyarakat, diaspora Cina masih memeluk identiti kerakyatan negara China bagi identiti nasional mereka. Namun, setelah mereka menetap lama di seberang laut dan generasi kedua mereka mulai mengalami dan memikirkan tentang identiti mereka, terutamanya isu dwikewarhanegaran dan ketaatan kepada negara bermastautin mula dipertikaikan. Generasi kedua Cina di Tanah Melayu tidak pernah mengalami kehidupan di China walaupun mereka masih mewarisi budaya dan identiti "China" asal daripada generasi ibu bapa mereka. Ketiadaan pengalaman kehidupan yang nyata di tempat asal generasi ibu bapa atau nenek moyang ini menjadikan identiti nasional orang Cina ini sekadar "identiti bayangan" (maya) sahaja.

Begitu juga dengan pengalaman kehidupan Lu Po-yeh. Negara China merupakan tanah leluhur dan "kampung halaman asal" keluarga Lu Po-yeh, tetapi beliau tidak mempunyai pengalaman berhidup di negara China walaupun masih wujudnya ikatan "akar umbi" terhadap negara China. Ini disebabkan latar masa dan persekitaran masyarakat di mana Lu Po-yeh berada. Media massa dan pendidikan yang diterima oleh Lu Po-yeh telah membentuk persekitaran kehidupannya yang telah mempengaruhi ideologinya dan ideologi ini seterusnya telah membentuk pengakuan identiti orang Cina dan indentiti nasionalnya.

Bagi Lu Po-yeh, Tanah Melayu merupakan tempat di mana dia hidup dan kampung halaman di mana dia dilahirkan dan dibesarkan. Tanah Melayu telah memberikannya nyawa, kenangan masa kecil dan juga perasaan persaudaraan. Segala perkara yang berkaitan dengan Tanah Melayu mempunyai hubungan yang tidak dapat dipisahkan daripadanya. Oleh itu, beliau mencintai dan mengambil berat tentang Tanah Melayu. Lu Po-yeh dipenuhi perasaan cinta kepada Tanah Melayu sebab dia lahir dan membesar di atas tanah ini. Tanah Melayu merupakan kampung halamannya. Tanah Melayu yang telah melahir dan memelihara nyawanya. Perasaannya terhadap Tanah Melayu adalah mendalam dan kuat serta tidak pernah berubah. Lu Po-yeh berkata, "Saya mencintai Malaya, sebab negara asal saya ini telah menjejaki langkah sejarah Asia yang tabah dan melangkah ke hadapan dengan berani, ... (Lu 1958: 1). Apabila Tanah Melayu mencapai

kemerdekaan dan membentuk negara baru, orang Cina telah mendaftar kewarganegaraan Tanah Melayu dan menjadi warganegara Tanah Melayu yang sah. Pada masa yang sama, pengakuan identiti nasional Lu Po-yeh juga telah mengalami perubahan dan telah bertukar menjadi pengakuan terhadap identiti nasional Tanah Melayu. Pada peringkat ini, penggunaan gelaran “tanah air” dan maknanya telah berubah daripada negara “China” kepada “Tanah Melayu”.

Lu Po-yeh bukan sahaja akrab dan mahir dengan sejarah, budaya dan perkembangan tempatan, dia juga mempunyai pemahaman dan perasaan yang tulus terhadap Tanah Melayu. Di samping itu, beliau juga pernah mengalami pelbagai peristiwa sejarah di Tanah Melayu. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Lu Po-yeh telah memiliki identiti nasional yang jelas apabila beliau menjadi rakyat Tanah Melayu yang sah dan benar. Oleh yang demikian, identiti nasional Lu Po-yeh terhadap Tanah Melayu merupakan sejenis identiti yang “nyata”.

## NOTA

1. Disebabkan oleh keadaan perkembangan sejarah, nama khas “Tanah Melayu” yang digunakan di dalam artikel ini adalah merujuk kepada Tanah Melayu sebelum tahun 1963. Ini termasuk Tanah Melayu dan Singapura yang belum mencapai kemerdekaan sebelum tahun 1957 dan masih di bawah penjajahan British dan juga Tanah Melayu yang telah mencapai kemerdekaan dan Singapura yang masih di bawah pentadbiran British pada ketika itu.
2. Latar belakang dan jejak kehidupan Lu Po-yeh telah merujuk kepada 1. Lu Po-yeh (2019). *Malai Sanji* [《马来散记》, *Catatan Cebisan Malaya*]. (Edisi Baru) Singapura: Chou Sing Chu Foundation. 2. Wei, P. H. (2016). *Wei Pe Hua Wenyi Chuangzuo Zongji* [《威北华文艺创作总集》, *Koleksi Sastera Hasil Karya Wei Pe Hua*] (Teoh K. H., Ed.). Petaling Jaya, Malaysia: Got One Publisher Sdn. Bhd. dan juga informasi dalam naratif penulisan artikel-artikel Lu Po-yeh.
3. Indonesia pada masa itu masih di bawah penjajahan Belanda dan dinamakan sebagai Kepulauan Hindia Timur Belanda. Namun, demi kelancaran dalam penulisan seterusnya dan selaras dengan naratif Lu Po-yeh, nama Indonesia digunakan dalam artikel ini.
4. Merujuk kepada 1. Wong Yoon Wah (2015). 162. 2. Teoh Kian Hoon (2016). p. xxiii. Lu Po-yeh (Wei Pe Hua) telah menyertai satu kumpulan seniman “Yi She” (蚁社) (Kelab Semut) di Indonesia.
5. Penghijrahan orang-orang China ke Asia Tenggara semakin pesat pada dinasti Ming dan dinasti Qing. Ini telah menjadikan satu gelombang penghijrahan yang besar. Selepas gelombang imigrasi yang berlaku pada pertengahan abad ke-19, bermula pada awal abad ke-20, orang Cina generasi kedua telah lahir di

masyarakat tempatan. Walaupun isu dwikewarganegaraan belum diselesai pada masa itu, namun masyarakat Cina telah menganggap Tanah Melayu sebagai kampung halaman mereka. Orang Cina telah memberi pelbagai sumbangan di Tanah Melayu. Selain itu, semasa Tanah Melayu ditawan oleh penjajah Jepun, orang Cina Tanah Melayu telah secara beramai-ramai menaruh diri dalam medan perang dan menyertai aktiviti menentang Jepun. Orang Cina telah berkorban demi mempertahankan Tanah Melayu. Namun, isu kewarganegaraan orang Cina dan India menjadi isu yang rumit apabila Tanah Melayu menuju ke arah kemerdekaan.

6. Dalam Perlembagaan Persekutuan sehingga tahun 1957, istilah kerakyatan telah dibezakan daripada kewarganegaraan. Perbezaan ini berasal daripada Perjanjian Persekutuan 1948 yang memdefinisikan kerakyatan Persekutuan sebagai bukan kewarganegaraan. Sejak itu, rakyat persekutuan telah dibenarkan untuk mengekalkan kerakyatan atau kewarganegaraan asal (Low, 2013: 3). Maklumat terperinci mengenai dwikerakyatan boleh rujuk kepada buku Low Choo Chin. (2013).
7. Merujuk kepada Low Choo Chin, orang yang dilahirkan dalam negeri-negeri naungan British tetap kekal sebagai orang asing, sama ada mereka dilahirkan sebelum atau selepas pemerintahan British ditubuhkan di negeri itu. Selepas 9 tahun pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, British menyedari perlunya memberi pasport atau perlindungan kepada orang asing yang menetap di situ yang ingin ke luar negara. Namun pada tahun 1904, NNMB memperkenalkan Undang-Undang Naturalisasi yang seragam. Enakmen Naturalisasi memperuntukkan bahawa mereka yang bukan rakyat kelahiran semula jadi bagi mana-mana NNMB yang tinggal di NNMB tidak kurang daripada 5 tahun dan berniat tinggal tetap dalam negeri itu, boleh memohon kepada raja supaya keistimewaan masukan diberi kepadanya (2013: 23-27).
8. Sumber dari laman web Singapore Book Market <https://www.singaporebookmarket.com/team-2/%E9%99%88%E5%A6%99%E5%8D%8E>

## RUJUKAN

- Albert, L. 1989. *Malayan Union Citizenship: Constitutional Change and Controversy in Malaya, 1942-1948*.  
*Journal Of Southeast Asian Studies* XX: 2.
- Anderson, B. 2006. *Imagined Communities: Reflections on The Origin and Spread of Nationalism*: 131-140. New York, USA: Verso Books.
- Carnell, F. G. 1952. *Malayan Citizenship Legislation*. *International And Comparative Law Quarterly*, 1.
- Chen, R. F. 1929. "Nanyang Huaqiao de Jiaoyu Tan" [〈南洋华侨的教育谈〉], "Perbincangan Tentang Pendidikan Diaspora Cina". Dlm. *Huaqiao Jiaoyu Lunwen Ji*. [《华侨教育论文集》, *Koleksi Tesis*

- Pendidikan Diaspora China*]: 372. Guangdong: Bahagian Kebudayaan Nanyang National Chi Nan University.
- Choi, K. K. 2007. “Malaixiya Huaren Guojia Rentong Zhuanxiang 1950-1957” [〈马来西亚华人国家认同转向1950-1957〉, *Perubahan Identiti Orang Cina Malaysia 1950-1957*]. Dlm. *Xinma Huaren de Rentong Zhuanxiang 1945-1959* [《新马华人国家认同的转向1945-1959》, *Perubahan Identiti Nasional Orang Cina Di Singapura dan Malaysia 1945-1959*]. Singapura: Youth Book Co.
- Fang, J. Y. 2001. *Dongnanya “Huaren Wenti” de Xingcheng yu Fazhan – Taiguo, Feilvbin, Malaixiya, Yindunixiya* [《东南亚“华人问题”的形成与发展-泰国、菲律宾、马来西亚、印度尼西亚案例研究》, *Faktor dan Perkembangan Isu Orang Cina di Asia Tenggara – Kajian Kes Thailand, Filipina, Malaysia, Indonesia*]: 13. Beijing: Shishi Publishing House.
- Hu, C. Y. 2010. *Kangzheng yu Tuoxie: Malai Xiya Huase dui Huazy Muyu Jiaoyu Zhengce Zhiding de Yingxiang* [《抗争与妥协:马来西亚华社对华族母语教育政策制定的影响》, *Perjuangan dan Kompromi: Pengaruh Masyarakat Cina Malaysia Terhadap Penggubalan Dasar Pendidikan Bahasa Ibunda* ]. Phd. Diss: 29-31. Guangzhou: Jinan University.
- Low, C. C. 2013. *Isu Dwikerakyatan Dalam Pembentukan Kewarganegaraan Malaysia 1900-1965*: 13-39. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Lu, P. 1953. *Shicheng Sanji* [《狮城散记》, *Catatan Cebisan Singapura*]. Singapura: World Book Company.
- 1954. *Malai Sanji* [《马来散记》, *Catatan Cebisan Malaya*]. Singapura: World Book Company.
- 1954b. *Malai Sanji* [《马来散记》, *Catatan Cebisan Malaya*], 2. Singapura: World Book Company.
- 1958. *Malaiya* [《马来亚》, *Malaya* ]. Singapura: World Book Company.
- 2019. *Malai Sanji* [《马来散记》, *Catatan Cebisan Malaya*]. (Edisi Baru) Singapura: Chou Sing Chu Foundation.
- Mak, L. F. 2012. *Xuni Rentong: Zaoqi Malaiya Huaren de Aiguo Gequ* [《虚拟认同: 早期马来亚华人的爱国歌曲》, *Identiti Dan Bayangan: Lagu Patriotik Etnik Cina Di Malaya pada Peringkat Awal* ]: 5-9, 111-115. Singapura: Chinese Heritage Centre.
- Halbwachs, M. 2002. *On Collective Memory*. (L. A. Coser Ed.): 37-40, 167-189. Chicago, USA: The University Of Chicago Press.

- Hara, F. 2003. *Malayan Chinese and China: Conversion in Identity Consciousness, 1945-1957*: 43, 53-54. Singapore: Singapore University Press.
- Hogg, M. A. & Abrams, D. 2006. *Social Identifications: A Social Psychology of Intergroup Relations and Group Processes*: 7. Milton, UK: Routledge. <https://www.routledge.com/Social-Identifications-A-Social-Psychology-of-Intergroup-Relations-and/Abrams-Hogg/p/book/9780415006958>
- Kuhn, P. A. 2009. *Chinese Among Others*: 239-282. Maryland, USA: Rowman & Littlefield Publishers, Inc.
- Liua, S. Y. 2020. *Lun Lu Bai Ye Malaisanji ji qi Xuji zhong de Shenfen Rentong* [论鲁白野《马来散记》及其续集中的身份认同与叙事策略, *Kajian Identiti dan Strategi Naratif Lu Bai Ye dalam Catatan Cebisan Melayu dan Jilid Sambungannya*]. Disertasi Sarjana Muda. Kampar: Universiti Tunku Abdul Rahman.
- Shamsul, A. B. 2004. Text and Collective Memories: The Construction of “Chinese” and “Chineseness” from the Perspective of a Malay. Dlm. *Ethnic Relations and Nation-Building in Southeast Asia: The Case of the Ethnic Chinese*: 152. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Tan, C. B. 1997. Chinese Identities In Malaysia. Dlm *Southeast Asian Journal Of Social Science*, 25 (2): 112.
- Wang, G. 1970. Chinese Politics in Malaya. *China Quaterly*. 43: 1-30.
- Wang, H. 2014. “Dongya de Zhanzheng zhi Kuang yu Guozu Wenti: Dui Riben, Zhongguo, Taiwan de Kaocha” [〈东亚的战争之框与国族问题：对日本、中国、台湾的考察〉], “Kerangka Perang Di Asia Timur Dan Isu Kewarganegaraan”. Dlm. *Zhanzheng yu Shehui: Lilun, Lishi yu Zhuti Jingyan* [《战争与社会：理论、历史与主体经验》], *Perang dan Masyarakat: Teori, Sejarah dan Pengalaman Subjektif*: 157-225. Taipei: Linking Publishing.
- Wang, M. K. 2006. *Huaxia Bianyuan – Lishi Jiyi yu Zuqun Rentong* [《华夏边缘——历史记忆与族群认同》], *Sempadan Cina - Memori Sejarah dan Identiti Etnik*: 254. Beijing, China: Social Science Academic Press.
- Wei, P. H. 2016. in Teoh Kian Hoon (ed.). *Wei Pe Hua Wenyi Chuangzuo Zongji* [《威北华文艺创作总集》], *Koleksi Sastera Hasil Karya Wei Pe Hua*. Petaling Jaya: Got One Publisher Sdn. Bhd.
- Wu, Y. J. & Gu, H. M. 2018. “Guojia Rentong Zhong de Lishi Jiyi Wenti” [〈国家认同建构中的历史记忆问题〉], “Isu Memori Sejarah Dalam Pembinaan Identiti Nasional”]. Dlm. *Wenhua Yanjiu* [《文化研究》, *A Journal of Cultural Studies*]: 76-83.